

28/05/2003

Kesesuaian, luas tanah halang MPPP bina rumah

Saufi Hamzah; Mohd Anwar Patho Rohman

GEORGETOWN: Masalah kekurangan tanah dan kesesuaian tempat untuk membina lebih banyak rumah dikenal pasti menjadi punca banyak projek perumahan di

negeri ini terutama di bahagian pulau tidak dapat dilaksanakan.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mahadi Mohd Ibrahim, berkata pihaknya mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak rumah bagi kesejahteraan penduduk tetapi terhalang dengan masalah keluasan tanah.

Beliau berkata, pada masa sama banyak pemaju perumahan mahu berbuat demikian namun tidak dapat direalisasikan kerana keluasan tanah yang terhad.

"Tanah milik MPPP tidak banyak dan jika ada pun keluasannya tidak mencukupi sebaliknya sesuai untuk dimajukan bagi keperluan lain yang lebih menguntungkan.

"Walaupun ada agensi yang mahu membina rumah termasuk kos rendah dan sederhana rendah seperti PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) dan Perda (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang) tetapi tidak banyak tanah (untuk dibangunkan)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis penyampaian sijil penghargaan dan cenderahati kepada 90 pesara MPPP di Hotel Shangri-

La di sini, semalam.

Mahadi mengulas kekecewaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendapati ada penduduk di Pulau Pinang masih tinggal di rumah seperti `zaman perang' ketika melawat negeri ini Sabtu lalu.

Sambil itu, beliau berkata, beberapa kawasan sudah dikenal pasti untuk pembinaan rumah seperti di Jalan Perak, Jalan Datuk Keramat, Jalan Udini, dan Jalan Brown serta Batu Ferringhi.

"MPPP mempunyai cadangan membina rumah daripada semua jenis dan kategori di kawasan terbabit.

"Sehubungan itu kami juga berharap ada pemaju berminat supaya mengemukakan cadangan pembinaan untuk mengatasi masalah ini dengan segera," katanya.

Sementara itu, Suara Rakyat Tanjung Tokong (SRTT) kesal terhadap kenyataan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, yang menyalahkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) atas kewujudan penempatan daif di kawasan itu.

Jawatankuasa penajanya, berkata Koh tidak sepatutnya menuding jari menyalahkan UDA dalam isu berkenaan kerana ramai pihak termasuk Ketua Menteri sendiri sepatutnya bertanggungjawab ke atas masalah penempatan golongan miskin.

"Adakah Yang Amat Berhormat Tan Sri sedar bahawa perumahan kos rendah yang akan dibina oleh UDA dalam kawasan Tanjung Tokong tidak lama lagi tiada beza daripada pembangunan UDA yang dibina hampir 18 tahun lalu.

"Ini akan menambahkan lagi gejala sosial yang sedang berleluasa di

kawasan Tanjung Tokong pada masa kini," katanya dalam kenyataan akhbar, semalam.

Beliau berkata, Koh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bungah

sepatutnya lebih arif mengenai masalah di Tanjung Tokong kerana kawasan itu adalah sebahagian daripada kawasan pilihanraya DUN Tanjung Bungah.

SRTT ditubuhkan sebagai gabungan lebih daripada 20 persatuan penduduk Tanjung Tokong bagi menangani permasalahan yang dihadapi masyarakat setempat dan mencari penyelesaiannya.

Beliau berkata, SRTT sedang menyiapkan pelan tindakan dan kemudiannya bertemu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mendapatkan bantuan bagi mencapai hasrat penduduk Tanjung Tokong.